



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN

STPM

Syariah (930)

2024

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 2 324 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 68.37% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	3.37	6.39	7.10	12.24	14.77	11.36	13.14	9.82	5.32	5.99	10.50

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah sederhana dan agak seimbang antara Bahagian A (*Muamalat* dan *Munakahat*) dan Bahagian B (*Mirath* dan *Jenayah*). Majoriti calon memilih soalan 1 dan soalan 3 pada Bahagian A manakala bagi Bahagian B, majoriti calon menjawab soalan 4 dan soalan 6.

Hampir semua calon dapat menjawab pecahan soalan (a) dengan baik. Namun begitu, majoriti calon tidak dapat menjawab pecahan soalan (b) dengan baik bagi setiap soalan, walaupun soalan-soalan yang dikemukakan itu berada pada tahap yang sederhana. Di samping itu, calon kelihatan sukar untuk menjawab pecahan soalan (c) bagi setiap soalan tersebut. Selain itu, secara keseluruhannya mutu jawapan bagi soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berada pada tahap sederhana. Kekurangan pengetahuan serta maklumat tentang sukatan merupakan faktor utama kegagalan calon menjawab setiap soalan yang dikemukakan.

Umumnya, kelemahan utama calon adalah seperti yang berikut:

- Calon kurang kemampuan dari sudut penyelesaian kes, seperti soalan 1(b).
- Calon kurang peka dengan isu-isu semasa, seperti soalan 1(c) dan 5(c).
- Calon kurang berkemampuan untuk menguasai dan memahami kehendak soalan dengan baik, seperti soalan 1(c), 2(b), 3(c), 4(b), 5(b), 5(c), dan 6(c).
- Calon tidak menjawab soalan berdasarkan permasalahan yang sepatutnya, seperti soalan 2(c), 3(b), 5(b), 5(c), 6(b), dan 6(c).
- Calon memberi jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan dan memberi fakta yang tidak tepat serta gagal mengaplikasikan teknik menjawab dengan betul.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Muamalat dan Munakahat

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan empat syarat harta dalam kontrak gadaian.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat segelintir calon yang tidak dapat menyenaraikan syarat harta gadaian dengan betul/ jawapan berulang-ulang juga menyebabkan pengurangan pada markah.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Hendaklah ada ketika kontrak dilakukan
- (ii) Hendaklah mempunyai nilai di sisi syarak yang boleh dimanfaatkan/tidak rosak
- (iii) Hendaklah ditentukan
- (iv) Hendaklah diketahui oleh kedua-dua pihak
- (v) Hendaklah dimiliki oleh penggadai/bukan harta curi/bukan harta rampasan/tidak disewa
- (vi) Hendaklah harta yang bebas dari sebarang hak
- (vii) Hendaklah harta yang terpisah dari yang lain/tidak dimiliki bersama orang lain
- (viii) Hendaklah halal/harus/patuh di sisi syarak/bersih/suci
- (ix) Harta boleh diserahkan milik
- (x) Harta diketahui dari segi fizikal/ain
- (xi) Harta bukan yang mudah/cepat rosak

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan hukum kontrak *al-rahn* berdasarkan situasi yang diberikan.

Sebahagian besar calon tidak memperolehi markah penuh. Punca utama adalah kelemahan calon dalam memberikan alasan yang tepat.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Status pemilikan barang *al-rahn*
 - Barang gadaian masih di bawah milik penggadai
 - Pemegang gadaian hanyalah pemegang amanah
- (ii) Penggunaan barang *al-rahn*
 - Haram/tidak boleh/salah/berdosa/tidak harus/tidak sah – kerana pemegang gadaian bukan pemilik barang/tanpa keizinan
 - Harus/boleh/sah – jika diizinkan penggadai/pemegang gadai tanggung kos/tidak mengurangkan harga/nilai barang gadaian
- (iii) Kehilangan barang *al-rahn*
 - Wajib ganti/batal akad – jika cuai/disengajakan oleh pemegang gadai
 - Tidak wajib – jika tidak cuai/disengajakan/pemegang gadaian tidak tanggung kos gadaian
- (iv) Kerosakan barang *al-rahn*
 - Wajib/mesti/harus/perlu ganti/batal akad – jika cuai/disengajakan/barang tidak dapat dimanfaatkan
 - Tidak wajib – jika tidak cuai/disengajakan/pemegang gadaian tidak tanggung kos gadaian

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga kelebihan gadaian secara Islam berbanding dengan gadaian secara konvensional berdasarkan amalan semasa.

Sebahagian kecil calon memperolehi markah penuh. Calon yang tidak mendapat markah penuh disebabkan kekeliruan memahami sebahagian realiti dalam gadaian konvensional, yang mana ada beberapa fakta sebenarnya sama dengan gadaian secara Islam.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Tidak mengenakan kadar faedah (unsur riba) + huraian
- (ii) Nilai gadaian tidak merosot + huraian
- (iii) Wang lebih gadaian dipulangkan + huraian
- (iv) Barang kemas yang disimpan jika dilelong lebih selamat + huraian
- (v) Caj perkhidmatan yang rendah + huraian
- (vi) Tiada unsur penipuan semasa membuat timbangan + huraian
- (vii) Tempoh bayaran balik yang munasabah + huraian
- (viii) Pemberian notis kepada penggadai tentang upacara lelongan + huraian
- (ix) Memberi nilai gadaian yang sepenuhnya + huraian
- (x) Patuh syariah + huraian
- (x) Menggunakan konsep/prinsip/akad syariah/*bay' tawarruq* + huraian
- (xii) *Al-Rahn* lebih sistematik berbanding konvensional + huraian
- (xiii) Pandangan calon

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan empat rukun hibah.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh. Namun, terdapat segelintir calon yang mengulangi jawapan yang sama yang menyebabkan pengurangan markah.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Pemberi hibah
2. Penerima hibah
3. Harta hibah
4. *Sighah/Ijab* dan *qabul*/akad/kontrak

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan dua perbezaan antara pemberian bank dengan amalan simpanan konvensional berdasarkan pernyataan “Dalam terma dan syarat akaun simpanan sebuah bank ditetapkan bahawa setiap penyimpan yang membuka akaun simpanan layak mendapat kadar wang tertentu berdasarkan budi bicara bank”.

Hanya sebahagian calon sahaja yang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Faktor calon gagal mendapat markah penuh ialah tidak menyatakan aspek, jawapan berulang-ulang, tidak menepati fakta yang terdapat dalam skema, dan keliru terhadap kehendak soalan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Aspek	Pemberian bank	Amalan simpanan konvensional
Kontrak/akad/konsep/prinsip/patuh syariah/akaun simpan	Wadiah/simpanan	<i>Al-Qard</i> /hutang/pinjaman
Kontrak/akad/konsep/prinsip/kontrak pemberian bank	Hibah/hadiah	Riba/faeda/dividen/bunga
Hukum	Harus/halal/sah/boleh	Haram/berdosa/tidak sah/batal
Kadar pemberian	Budi bicara	Ditetapkan
Tujuan	Penghargaan	Keuntungan pelaburan

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan hukum penarikan balik hibah sebelum berlaku *qabd* ke atas harta.

Sebahagian calon gagal mendapat markah penuh. Faktor kepada keadaan ini ialah calon gagal membezakan hukum penarikan balik hibah sebelum *qabd* yang dikehendaki oleh soalan dengan penarikan balik selepas *qabd*. Umumnya, markah calon yang menjawab soalan ini hanya diperolehi daripada hukum sahaja.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Hukum	Alasan
Harus	Akad sahaja tidak mengikat/tidak lazim/tidak berkuatkuasa selagi belum <i>qabd</i>
Tidak harus	Akad hibah berkuat kuasa dengan lafaz <i>ijab</i> dan <i>qabul</i> /kontrak lengkap/akad lazim
Harus	Sekiranya barang yang dihibahkan itu berbentuk barang yang disukat atau ditimbang
Tidak harus	Sekiranya barang yang dihibahkan itu tidak boleh disukat atau ditimbang

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan dua batas pergaulan antara suami dengan isteri yang telah bercerai dengan talak *ba'in* ketika tempoh '*iddah*.

Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, ada juga segelintir calon yang tidak dapat menyatakan dua batas pergaulan dengan tepat. Hal ini kerana calon terkeliru dengan batas pergaulan bagi talak *raj'ie*.

Jawapan yang sepatutnya bagi soalan ini ialah:

- (i) Batasan aurat seperti ajnabi
- (ii) Tidak boleh bersentuhan/bersetubuh
- (iii) Tidak boleh tinggal bersama
- (iv) Layanan/bermesra/suara manja
- (v) Tidak boleh berdua-duaan

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga keadaan yang menyebabkan perempuan wajib ber'*iddah*. Kebanyakan calon hanya dapat memberikan dua keadaan yang menyebabkan perempuan wajib ber'*iddah*. Jawapan *wat'i syubhah* dan zina hampir tidak dijumpai. Selain itu, terdapat jawapan yang berulang di bawah isi yang sama.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Perceraian yang berlaku selepas *dukhul*/hamil.
- (ii) *Wat'i syubhah*
- (iii) Kematian suami
- (iv) Zina menurut pandangan mazhab Maliki dan mazhab Hanbali.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan empat larangan bagi perempuan yang berada dalam tempoh '*iddah* talak *raj'ie*.

Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, sebahagian lagi calon tidak mampu memberikan fakta dan huraian yang tepat. Ramai dalam kalangan calon terkeliru dengan '*iddah* talak *ba'in* yang hanya menyebutkan perkara yang sama dengan soalan (a). Ramai juga dalam kalangan calon hanya mampu menyebutkan perkara yang sama dan mengulangi jawapan yang sama.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Haram menerima pinangan lelaki ajnabi kerana hubungan antara suami isteri masih belum terputus.
- (ii) Haram berkahwin dengan lelaki ajnabi. Jika pernikahan dilangsungkan semasa tempoh tersebut, pernikahan itu adalah tidak sah dan pasangan tersebut wajib dipisahkan.
- (iii) Tidak dibenarkan keluar rumah kecuali dengan keizinan suami. Namun, mereka dibolehkan keluar dan meninggalkan rumah tersebut sekiranya terdapat bahaya dan kemudaran yang boleh mengancam keselamatan nyawa dan harta benda.
- (iv) Tidak dibenarkan berpindah atau tinggal di rumah lain yang bukan menjadi kebiasaannya tinggal semasa masih dalam ikatan perkahwinan.
- (v) Suami dilarang menghalau isteri yang diceraikan, bahkan mereka wajib menanggung seluruh nafkahnya termasuk nafkah tempat tinggal.
- (vi) Dilarang/tidak boleh bermusafir tanpa keizinan
- (vii) Dilarang/tidak boleh tinggal sebilik

BAHAGIAN B: *Mirath dan Jenayah*

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pengertian harta pusaka menurut Islam.

Kebanyakan calon hanya mampu memperolehi dua markah sahaja daripada markah penuh. Hanya segelintir calon sahaja yang memperoleh markah penuh.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Harta peninggalan si mati
- (ii) Yang terdiri daripada harta alih dan harta tak alih
- (iii) Hak-hak yang ditinggalkan oleh pewaris yang akan diwarisi oleh waris-warisnya, seperti hak qisas, menahan harta yang digadai sehingga dijelaskan hutang dan hak *khiyar*.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kematian pewaris secara *hakiki*, *hukmi*, dan *taqdiri*.

Sebahagian besar calon gagal mendapat markah penuh. Terlalu sedikit calon yang menjawab dengan betul bagi *taqdiri*. Antara faktor calon gagal ialah calon terkeliru antara konsep *hukmi* dengan *taqdiri*. Jawapan calon sering bertukar dan berulang-ulang.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) *Hakiki*: Kematian yang boleh dibuktikan/disahkan/diyakini sama ada melalui kesaksian/sijil mati/permit pengkebumian/kubur/hukuman gantung/tiada nyawa.
- (ii) *Hukmi*: Kematian seseorang diputuskan oleh mahkamah bagi kes kematian orang hilang/tawanan perang.
- (iii) *Taqdiri*: Andaian/tanggapan kematian anak dalam kandungan akibat perbuatan jenayah ke atas ibunya.

Soalan (c) menghendaki calon menyelesaikan pembahagian harta pusaka seorang lelaki yang meninggal dunia dengan meninggalkan tiga orang isteri, seorang anak perempuan, tiga orang saudara perempuan sebapa, seorang saudara lelaki seibu, dan tiga orang saudara perempuan seibu. Harta peninggalan si mati bernilai RM720 000.00. Soalan ini mengkehendaki calon:

- (i) Menyatakan kadar fardu
- (ii) Menyatakan asal masalah
- (iii) Menyatakan saham
- (iv) Menyatakan habuan

Berkenaan kadar fardu, majoriti calon dapat memberikan kadar fardu untuk tiga orang isteri dan seorang anak perempuan dengan tepat. Namun bagi kadar fardu untuk tiga orang saudara perempuan sebapa, seorang saudara lelaki seibu, dan tiga orang saudara perempuan seibu, calon telah gagal memberikan jawapan yang tepat.

Berkenaan asal masalah, sebahagian calon dapat menyatakan asal masalah dengan tepat. Sebahagian lagi tidak mampu memberikan jawapan yang tepat disebabkan kadar fardu juga tidak tepat. Seterusnya, berkaitan saham, majoriti calon menyatakan saham dengan tepat untuk waris isteri, namun tidak konsisten untuk waris lain. Manakala bagi habuan pula, jawapan untuk isteri dan seorang anak perempuan dapat dinyatakan dengan tepat oleh majoriti calon, namun untuk waris yang lain, habuan yang diberikan tidak tepat.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

		8	RM720 000
3 isteri	1/8	1	RM90 000
AP	1/2	4	RM360 000
3 SPB	Asabah	3	RM270 000
SLI	<i>Mahjub</i>	–	–
3 SPI	<i>Mahjub</i>	–	–

Satu saham = RM90 000

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud harta pusaka kecil dan nyatakan undang-undang yang dilaksanakan dalam pentadbiran harta pusaka kecil.

Hanya sebahagian calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon hanya menyatakan dua daripada tiga isi untuk maksud harta pusaka. Manakala berkaitan undang-undang pentadbiran harta pusaka kecil, terlalu sedikit calon menjawab dengan tepat.

Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Maksud harta pusaka kecil: Harta yang ditinggalkan oleh si mati tanpa wasiat (menurut Akta Wasiat 1959) yang terdiri daripada harta tak alih atau campuran antara harta tak alih dengan harta alih yang nilai totalnya tidak melebihi 2 juta dan diselesaikan di unit pusaka kecil/pejabat tanah.

Undang-undang yang digunakan dalam pentadbiran harta pusaka kecil ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955/Undang-Undang Pentadbiran Harta Pusaka Kecil.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat peranan pentadbir harta pusaka di Malaysia.

Sebahagian besar calon tidak mendapat markah penuh. Sebahagian calon mampu memberikan sebahagian fakta, namun tidak mampu menghuraikannya dengan baik. Ada calon juga yang keliru dengan peranan mahkamah terhadap harta pusaka.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Memungut segala hutang-hutang si mati + Huraian
- (ii) Menjelaskan segala hutang-hutang si mati + Huraian
- (iii) Membayar cukai-cukai harta si mati + Huraian
- (iv) Memohon sijil faraid di Mahkamah Syariah + Huraian
- (v) Menguruskan kos/perbelanjaan pengurusan jenazah si mati + Huraian
- (vi) Melaksanakan wasiat si mati + Huraian
- (vii) Membahagikan/mencairkan harta pusaka kepada ahli waris/mengagihkan harta pusaka/bagi kepada baitulmal + Huraian
- (viii) Mengumpulkan/menentukan waris si mati yang berhak + Huraian
- (ix) Memudahkan urusan ahli waris untuk memperoleh harta pusaka kerana pentadbir mahir dalam mengurus harta pusaka

Soalan (c) menghendaki calon memberikan ulasan mengenai wujudnya pelbagai agensi dan undang-undang yang terlibat dalam penyelesaian pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia telah menyebabkan peningkatan kes harta pusaka tertunggak.

Sebahagian besar calon tidak mendapat markah penuh untuk soalan ini. Kebanyakan calon bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Walau bagaimanapun, ulasan yang diberikan kebanyakannya tidak tepat/tidak konsisten munasabah/tidak menjurus kepada agensi dan undang-undang yang terlibat. Terdapat calon yang tidak mengemukakan pendapat/kesimpulan sebagai rumusan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Calon bersetuju kerana:

- (i) Orang Islam perlu pergi banyak tempat untuk menyelesaikan pembahagian harta pusaka atas kehendak undang-undang.

- (ii) Keadaan ini menyebabkan kos pengurusan meningkat/agensi ambil kesempatan.
- (iii) Ramai masyarakat tidak tahu ke mana hendak dituju bagi menyelesaikan pembahagian harta pusaka.
- (iv) Perlu kepada kemahiran dari segi perundangan
- (v) Kesimpulan atau cadangan penyelesaian

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tiga hikmah pengharaman arak berserta dengan dalil pengharamannya.

Dari aspek hikmah pengharaman arak, sebahagian besar calon hanya mampu menyatakan sekurang-kurangnya dua hikmah dengan tepat dan hanya sebahagian kecil calon sahaja yang dapat memberikan tiga hikmah dengan tepat. Manakala dari aspek dalil pengharaman arak, majoriti calon memilih dalil al-Quran dan kebanyakan daripada mereka mampu menulis dalil dengan betul, hanya sebahagian kecil sahaja yang memilih dalil daripada hadis.

Jawapan yang sepatutnya:

- (i) Menjaga kewarasan akal
- (ii) Mengelakkan berlaku jenayah/pergaduhan/zina
- (iii) Mengekalkan kesihatan fizikal dan mental
- (iv) Mengakibatkan kemalangan
- (v) Menjadi punca berlaku perceraian
- (vi) Vandalisme

Dalil pengharaman: Surah al-Baqarah, ayat 219:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا

atau mana-mana ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga punca perselisihan para fuqaha dalam menentukan hukuman jenayah minum arak.

Kebanyakan calon tidak mampu memberikan jawapan dengan tepat. Sebahagian calon menjawab berkaitan perbezaan pendapat berkenaan hukuman, bukannya punca perselisihan. Namun begitu calon masih mampu memberikan sekurang-kurangnya satu fakta dengan tepat. Ramai calon kehilangan markah untuk soalan ini.

Jawapan sepatutnya ialah:

- (i) Al-Quran menyatakan pengharaman tetapi tidak menyatakan hukuman bagi pesalah.
- (ii) *Al-Sunnah* tidak memperincikan kadar sebenar hukuman/amalan Rasulullah SAW tidak menentukan kadar yang tepat. Kadar maksimum pernah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW tidak melebihi 40 kali sebatan.
- (iii) Tafsiran sahabat terbahagi kepada dua pandangan kecuali Khulafa' al-Rasyidin hanya menyebat 40 sebatan, dan Saidina Umar RA sebanyak 80 sebatan.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan hukum dan hukuman bagi situasi: Encik A secara sedar telah meminum jus oren yang mengandungi campuran arak.

Dari aspek hukum dan alasan, majoriti calon dapat memberikan jawapan dengan tepat. Begitu juga dari aspek hukuman, calon mampu memberikan jenis hukuman dengan betul. Tetapi calon tidak memberikan alasan untuk hukuman tersebut. Oleh sebab itu, calon kebanyakannya mendapat markah sekurang-kurangnya 6 markah. Untuk kesimpulan, hampir kesemua calon membuat kesimpulan yang sempurna yang melayakkan mereka mendapat markah penuh.

Jawapan yang sepatutnya:

- (i) Hukum: Encik A haram/berdosa/boleh disabitkan dengan kesalahan minum arak.
- (ii) Alasan: Perkara halal bercampur haram dikira haram sama ada sedikit atau banyak atau Encik A minum dalam keadaan sedar/sengaja.
- (iii) Hukuman hudud/hukuman 40 atau 80 sebatan kerana ia adalah arak; atau
- (iv) Hukuman takzir/calon menerangkan bentuk hukuman takzir seperti sebat, penjara, denda, dan lain-lain kerana ia bukan arak.
- (v) Kesimpulan

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 2 132 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 70.36% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	11.41	6.93	12.82	10.28	10.75	9.95	8.22	7.26	6.69	5.09	10.60

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan yang diberikan oleh calon adalah baik. Dari sudut taburan markah yang diperolehi oleh calon adalah berada pada pelbagai tahap pencapaian daripada lemah, sederhana, baik, dan cemerlang. Ini menunjukkan mutu jawapan calon berada pada tahap yang agak baik.

Kebanyakan calon memilih untuk menjawab soalan 1 dan jumlah calon yang memilih soalan 2 dan 3 agak seimbang dalam Bahagian A (Usul Fiqh). Bagi soalan Bahagian B (Kaedah Fiqh), kebanyakan calon memilih menjawab soalan 4, manakala soalan 5 merupakan soalan kedua tertinggi yang dipilih oleh calon dan soalan 6 merupakan soalan yang kurang popular dipilih oleh calon.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Usul Fiqh

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon memberikan contoh dan menerangkan maksud *al-Sunnah al-Taqririyyah*.

Sebahagian calon dapat menjawab pengertian *al-Sunnah al-Taqririyyah* dengan baik, manakala sebahagian calon memberikan pengertian *al-Sunnah* sebagai jawapan. Terdapat juga calon yang memberikan pengertian lain yang tidak berkaitan, seperti dalil syarak melalui perkataan dan perbuatan serta *al-Sunnah* yang berasaskan percakapan. Jawapan yang tepat ialah perkataan Nabi Muhammad SAW mendiamkan diri tanpa mengingkari sama ada dengan perkataan atau perbuatan.

Dari sudut contoh pula, majoriti calon dapat memberikan contoh dengan tepat seperti Rasulullah SAW tidak melarang sahabat memakan dhab. Namun terdapat juga sebahagian calon yang memberikan contoh tidak tepat seperti puasa sunat hari Arafah, mendirikan solat, melakukan sesuatu dengan niat, segala yang datang daripada nabi wajib diikuti dan pelbagai lagi jawapan yang tidak berkaitan dengan *al-Sunnah al-Taqririyyah*.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan dua dalil naqli tentang kedudukan *al-Sunnah* sebagai sumber hukum.

Terdapat sebahagian calon yang memperolehi markah penuh bagi soalan ini dengan berjaya memberikan dua dalil naqli dan membuat huraian yang sesuai dengan kedudukan *al-Sunnah* sebagai sumber hukum. Namun begitu, terdapat juga sebahagian calon yang memberikan dalil yang tidak berkaitan atau kurang tepat seperti:

- (i) الطلاق مرتين فإمساك بمعروف أو تصريح بإحسان
- (ii) وما أمروا إلا ليعبدوا الله مخلصين له الدين
- (iii) يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر

Jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

- (i) يا أيها الذين ءامنوا أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وأولى الأمر منكم
- (ii) فإن تنازعتم فى شىء فردوه إلى الله والرسول
- (iii) تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما تمسكتم بهما كتاب الله وسنة نبيه
- (iv) عليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين من بعدى

Dari sudut huraian, kebanyakan calon yang memberikan dalil dapat membuat huraian berkaitan kedudukan *al-Sunnah* sebagai sumber hukum dengan tepat. Namun terdapat juga sebahagian kecil calon tidak membuat huraian berkaitan kedudukan *al-Sunnah* yang menyebabkan calon kehilangan sebahagian daripada markah yang diperuntukkan.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga peranan *al-Sunnah* dalam penetapan hukum syarak.

Sebahagian calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat berkaitan peranan *al-Sunnah* dalam penetapan hukum syarak. Antara jawapan yang diberikan oleh calon, seperti membantu ulama dalam mengistinbatkan hukum, sebagai hukum kedua selepas al-Quran, menjadi dalil hujah yang kukuh, dan menjadi panduan dalam kehidupan. Sebilangan kecil calon juga tidak menghuraikan jawapan. Terdapat calon yang tidak membuat kesimpulan menyebabkan calon kehilangan dua markah yang diperuntukkan. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Sebagai pengukuh: Mendatangkan keterangan kepada apa yang sedia ada dalam al-Quran. Contohnya, larangan memakan harta orang lain dengan cara yang batil, dikukuhkan lagi dengan hadis: لا يجل لإمرئ أن يأخذ عصا أخيه بغير طيب نفسه
- (ii) Sebagai penjelas: Menerangkan ayat al-Quran yang bersifat mujmal. Contohnya, cara menunaikan sembahyang seperti dijelaskan di dalam hadis: صلوا كما رأيتموني أصلى
- (iii) Sebagai penentu hukum baru yang tiada dalam al-Quran, seperti hukuman rejam ke atas penzina *muhsan*, menjatuhkan hukum memadai dengan seorang saksi dan sumpah, haram memakai emas dan sutera bagi lelaki.
- (iv) Menasakhkan hukum yang ada di dalam al-Quran, seperti wasiat kepada waris dinasakhkan melalui hadis: لا وصية لوارث

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pengertian *masalah* berserta dengan contoh.

Kebanyakan calon dapat menjawab pengertian *masalah* dengan baik dan tepat dan pelajar dapat memberikan contoh *masalah* dengan jawapan yang tepat. Kebanyakan calon mendapat markah penuh bagi soalan ini.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

Pengertian: Membuat sesuatu hukum yang boleh mendatangkan kebaikan dan menjauhkan kemudarat.

Contoh: Pengumpulan ayat-ayat al-Quran dari hafalan menjadi mushaf.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga bahagian *masalah*.

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan baik dan tepat. Calon menghuraikan bahagian *masalah* dengan baik dan memberikan contoh bagi setiap bahagian dengan tepat. Terdapat sebilangan kecil calon memberikan jawapan bahagian dari sudut kepentingan. Disebabkan itu, kebanyakan calon memperoleh 5 hingga 6 markah untuk soalan ini.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) *Maslahah mu'tabarah*: Terdapat dalil syarak yang menunjukkan pengiktirafannya secara jelas. Contoh: Disyariatkan qisas untuk menjaga masalah nyawa dan disyariatkan hukum hudud ke atas peminum arak demi *masalah* menjaga akal fikiran.
- (ii) *Maslahah Mulghah*: Terdapat dalil yang tidak dianggap baik pada syarak. Contoh: Orang perempuan mendapat kadar sama rata dengan saudara lelakinya dalam pembahagian *mirath*.
- (iii) *Maslahah Mursalah*: Membuat sesuatu hukum yang boleh mendatangkan kebaikan dan menjauhkan kemudarat dengan tiada dalil syarak menerima dan menolaknya. Contoh: Penguatkuasaan undang-undang jalan raya adalah bertujuan untuk memberikan kemaslahatan kepada seluruh pengguna jalan raya.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan empat syarat penerimaan *masalah mursalah* sebagai sumber hukum.

Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon dapat memberikan syarat penerimaan *masalah mursalah* sebagai dengan tepat. Tetapi rata-rata calon tidak menyatakan huraian bagi setiap fakta yang diberikan. Oleh itu, ramai calon yang mendapat markah antara 6 hingga 10 markah untuk soalan ini. Calon juga dapat mengemukakan kesimpulan dengan tepat.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Tidak bertentangan dengan nas + huraian
- (ii) Pelaksanaan tidak timbul mudarat/mendatangkan kebaikan + huraian
- (iii) Kepentingan boleh diterima akal + huraian
- (iv) Hanya berkaitan *muamalat* dan tidak berkaitan dengan ibadat + huraian
- (v) *Maslahah daruriyyat*, iaitu *masalah* yang diperlukan untuk menjaga nyawa + huraian
- (vi) Bersifat menyeluruh/umum + huraian
- (vii) *Qat'ie*, iaitu diyakini betul bukan sangkaan semata-mata + huraian
- (viii) Kesimpulan/pendapat calon

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pernyataan “Setiap perbuatan yang pada asalnya memberikan manfaat tetapi terjadi sesuatu yang menyebabkan perbuatan itu seringkali bertukar menjadi *mafsadah*”.

Sebahagian calon dapat menerangkan pernyataan tersebut dengan baik, iaitu menjelaskan apa itu maksud *sadd al-dhari’ah* disertai dengan huraian dan contoh yang bersesuaian. Namun begitu, kebanyakan calon tidak mendapat markah penuh bagi soalan ini kerana kebanyakan penjelasan calon hampir sama dengan pernyataan tersebut. Peruntukan markah untuk menjelaskan pernyataan juga agak besar menyebabkan calon tidak mahir dalam menghuraikan jawapan.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Kenyataan di atas ialah definisi *sadd al-dhari’ah*.
- (ii) Penerangan – sesuatu yang dibenarkan oleh syarak menjadi larangan kerana terdapat kemungkinan yang sering terjadi perkara yang membawa keburukan/mana-mana penerangan/contoh yang sesuai.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat pembahagian *sadd al-dhari’ah* berserta dengan contoh.

Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan betul. Majoriti calon mendapat markah penuh bagi soalan ini. Namun begitu, terdapat juga calon keliru dalam menjelaskan bahagian *sadd al-dhari’ah* dari aspek kekerapan biasa atau seringkali. Jawapan calon seperti perbuatan yang pada asalnya harus namun mungkin/hampir/lazimnya membawa *mafsadah*. Jawapan seperti ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Perbuatan yang harus tetapi pasti membawa kepada *mafsadah*.
Contoh: Menggali telaga di hadapan pintu pada malam yang gelap
- (ii) Perbuatan yang harus tetapi jarang membawa kepada *mafsadah*.
Contoh: Menggali telaga di tempat yang tidak dilalui oleh manusia
- (iii) Perbuatan yang harus tetapi biasanya (غالباً) akan membawa kepada *mafsadah*.
Contoh: Menjual senjata kepada musuh ketika peperangan, menjual anggur kepada peniaga arak
- (iv) Perbuatan yang harus tetapi seringkali (كثيراً) membawa kepada *mafsadah*.
Contoh: Bay’ *‘inah*

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan hukum seseorang yang bermusafir menjamu selera di tempat awam pada siang hari dalam bulan Ramadan.

Perbincangan calon bagi situasi tersebut adalah pada tahap yang baik. Calon dapat menjelaskan hukum asal yang harus mengapa ia menjadi haram disertai dengan sebab-sebab yang munasabah. Namun kadang-kala terdapat sebilangan calon tidak menyatakan hukum asal, iaitu harus atau calon menyatakan larangan perbuatan dengan jawapan “tidak sah” atau “tidak digalakkan” yang membuatkan calon kehilangan markah. Terdapat juga calon yang tidak mendapat markah yang lengkap untuk kesimpulan kerana kebanyakan calon hanya mengulangi hukum membuka puasa di khalayak ramai sahaja tanpa menyatakan rumusan baharu untuk keseluruhan situasi.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Hukum tidak berpuasa bagi orang yang bermusafir adalah harus.
- (ii) Namun, menjamu selera di tempat awam pada siang hari dalam bulan Ramadan adalah dilarang berdasarkan konsep *sadd al-dhari'ah*.
- (iii) Kerana membuka ruang fitnah/mencemar kesucian bulan Ramadan sekiranya makan/minum secara terbuka/menimbulkan salah faham oleh orang bukan Islam.

BAHAGIAN B: Kaedah Fiqh

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan tentang kaedah fiqh berserta dengan contoh yang berkaitan dengan ayat al-Quran yang diberi.

Kebanyakan calon mendapat markah penuh bagi soalan ini dengan memberikan kaedah dan contoh yang betul. Tetapi terdapat sebahagian kecil calon yang tidak memahami nas yang diberi menyebabkan calon memberikan jawapan yang salah.

Jawapan yang sepatutnya ialah kaedah *al-umur bi maqasidiha*. Calon boleh mengemukakan mana-mana contoh yang berkaitan dengan kaedah ini.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan masa dan tujuan niat.

Kebanyakan calon mampu memberikan jawapan yang tepat bagi soalan ini. Namun begitu, terdapat sebahagian calon memberikan jawapan berulang bagi tujuan niat yang menyebabkan calon kehilangan markah. Terdapat juga calon yang tidak menjelaskan masa berniat dan terus menyatakan contoh sahaja yang turut menyebabkan calon kehilangan markah.

Jawapan yang sepatutnya bagi soalan ini ialah;

Masa niat: Pada permulaan ibadat. Contohnya, berniat ketika *takbiratul ihram* pada awal solat.

Tujuan niat:

- (i) Membezakan adat dengan ibadat
- (ii) Membezakan antara tingkatan ibadat
- (iii) Membezakan ibadat dengan ibadat lain
- (iv) Membezakan amalan *taqarrub* dengan amalan syirik

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan hukum bagi masalah yang diberi.

Sebahagian calon menjawab dengan tepat soalan ini. Sebahagian calon memberikan kaedah yang tepat tetapi tidak mampu menghuraikan hukum. Terdapat juga segelintir calon yang tidak mampu mengaitkan permasalahan yang diberi dengan kaedah yang tepat.

Jawapan sepatutnya adalah:

- (i) Kaedah: النية في اليمين تخصص اللفظ العام ولا تعمم الخاص
Hukum: Tidak dikira melanggar sumpah sekiranya Encik A bercakap dengan selain Encik B kerana niatnya telah mengkhususkan lafaznya yang umum.
- (ii) Kaedah: مقاصد اللفظ على نية الالفاظ
Hukum: Hambanya bebas kerana Encik C berniat untuk membebaskannya.

- (iii) Kaedah: العبرة في العقود للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني
Hukum: Dikira sebagai jual beli kerana adanya bayaran.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud kaedah **يزال الضرر** berserta dengan dua contoh. Kebanyakan calon dapat memberikan maksud kaedah dan contoh dengan tepat.

Jawapannya ialah:

- (i) Maksud kaedah **يزال الضرر** ialah sesuatu kemudharatan hendaklah dihilangkan + huraian
- (ii) Contoh 1: Harus makan bangkai ketika kebuluran di dalam hutan dan tiada makanan lain yang halal.
- (iii) Contoh 2: Diharuskan seseorang perempuan untuk mendapatkan rawatan daripada doktor lelaki jika tiada doktor perempuan yang boleh merawatnya.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan maksud hadis Rasulullah SAW berserta dengan dua kaedah terbitan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Jawapan sepatutnya ialah:

- (i) Maksud hadis: Tidak ada kemudharatan dan tidak memudaratkan + huraian
- (ii) Kaedah 1: **الضرر لا يزال بالضرر**
- (iii) Kemudharatan tidak boleh dihilangkan dengan kemudharatan yang lain sama ada yang sama kemudharatan atau lebih berat + huraian/contoh yang bersesuaian.
- (iv) Kaedah 2: **الضرورات تبيح المحظورات**
- (v) Apabila berada dalam keadaan yang mudarat, membolehkan kita untuk melakukan perkara-perkara yang ditegah dalam syarak + huraian/contoh yang bersesuaian.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan hukum bagi permasalahan yang berikut dan kaitkan dengan kaedah terbitan yang bersesuaian.

- (i) Seorang wanita mendapatkan rawatan daripada doktor lelaki, sedangkan terdapat doktor wanita yang boleh merawatnya.
- (ii) Seseorang telah dipaksa untuk membunuh seseorang yang lain.

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan sepatutnya ialah:

- (i) Kaedah: **ما أبيح للضرورة تقدر بقدرها**
Hukum: Haram mendapatkan rawatan daripada doktor lelaki
Alasan: Terdapat doktor wanita yang boleh merawatnya
- (ii) Kaedah: **الضرر لا يزال بالضرر**
Hukum: Haram mendatangkan mudarat kepada orang lain
Alasan: Kerana hendak melepaskan mudarat ke atas diri sendiri/memudaratkan orang lain

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan kaedah fiqh yang berkaitan dengan petikan ayat dan contoh yang bersesuaian dengan kaedah.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik pada kaedah dan contoh.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

Maksud ayat: Terimalah apa yang mudah dilakukan dan suruhlah perkara yang baik, serta berpalinglah daripada orang yang bodoh.

Kaedah yang berkaitan dengan ayat ialah: العادة محكمة

Maksud kaedah: Adat yang umum menjadi hukum atau tempat rujuk untuk mensabitkan hukum syarak.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat syarat keharusan beramal dengan adat.

Majoriti calon tidak mendapat markah yang penuh bagi soalan ini. Hal ini kerana kebanyakan calon memberikan isi penting sahaja tanpa menghuraikan syarat tersebut dengan lengkap. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Adat tidak bercanggah dengan nas syarak + huraian
- (ii) Adat tersebut telah diamal oleh masyarakat secara menyeluruh + huraian
- (iii) Adat yang hendak dirujuk itu hendaklah telah wujud atau diamalkan oleh masyarakat + huraian
- (iv) Adat mendatangkan manfaat dan tidak mendatangkan mudarat + huraian

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan maksud kaedah terbitan berserta dengan satu contoh permasalahan yang berkaitan dengannya.

Jawapan kebanyakan calon adalah seimbang di mana tiada calon yang mendapat markah penuh dan tiada calon yang mendapat markah rendah. Namun, terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang salah, seperti maksud kaedah yang salah, tiada huraian, dan contoh yang tidak berkaitan. Jawapan sebegini menyebabkan calon kehilangan markah.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Maksud kaedah: Pengamalan orang ramai itu menjadi hujah dan wajib beramal dengannya.
Huraian: Jika perkara yang tidak ada dalam nas syarak, maka hendaklah merujuk kepada pengamalan manusia untuk dijadikan panduan dan hujah.
Contohnya dalam pengamalan masyarakat seperti pembelian perabot yang melibatkan penghantaran, kos penghantaran hendaklah ditanggung oleh penjual. Justeru itu, jika wujud pertikaian antara penjual dengan pembeli, pengamalan masyarakat hendaklah dirujuk.
- (ii) Maksud kaedah: Penetapan berdasarkan *uruf* adalah sama seperti penetapan berdasarkan nas.
Huraian: *Uruf* dan adat diberi kedudukan atau kuasa sama seperti kedudukan nas khususnya dalam menyelesaikan perkara berkaitan kebiasaan manusia dalam muamalat.
Contohnya: Sewaan rumah adalah hanya bayaran untuk manfaat rumah sahaja, tidak termasuk bil air dan bil api. Justeru itu, jika penyewa mendakwa dia telah melunaskan bayaran bil air dan bil api dengan bayaran sewa adalah tidak diterima. Ini kerana ketetapan *uruf* tersebut adalah terpakai dan kuat seperti ketetapan syarak.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 2 108 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 69.88% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	15.93	6.97	6.73	11.66	8.39	11.33	8.87	5.28	4.69	4.17	15.99

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, kebanyakan calon telah merancang untuk menjawab dengan memilih soalan-soalan yang popular dan dianggap mudah dalam kedua-dua Bahagian A dan Bahagian B. Soalan 2 dan 3 bagi Bahagian A serta soalan 4 dan 5 bagi Bahagian B merupakan pilihan utama calon.

Namun begitu, jawapan calon secara keseluruhan adalah kurang memuaskan. Terdapat sebahagian calon yang memberikan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Kegagalan calon menghafal maksud ayat al-Quran dan hadis merupakan antara faktor utama calon gagal memberikan jawapan yang tepat, terutamanya bagi soalan yang memerlukan pengertian ayat dan ungkapan hadis.

Satu lagi kelemahan yang dikenal pasti ialah terdapat sebilangan kecil calon yang tidak menyertakan kesimpulan bagi soalan berbentuk perbincangan. Sedangkan, bagi soalan berbentuk ‘bincangkan’, calon sepatutnya mengemukakan kesimpulan yang merumuskan isi yang dibincangkan.

Dari sudut kekuatan, terdapat calon yang mampu menulis dan menyampaikan isi dengan baik, menepati kehendak sebenar soalan. Ini menunjukkan bahawa calon yang memahami kehendak soalan dan merancang jawapan dengan teliti berpeluang untuk memperoleh markah yang baik.

Secara keseluruhannya, soalan 2, 3, 4, dan 5 adalah antara soalan paling popular dalam kalangan calon. Calon yang memilih soalan-soalan ini didapati berjaya memperoleh markah yang baik. Hal ini menunjukkan bahawa faktor pemilihan soalan yang bersesuaian, perancangan jawapan yang rapi, dan kefahaman yang jitu terhadap kehendak soalan merupakan elemen penting untuk memperoleh markah cemerlang.

Walau bagaimanapun, bagi soalan (a), kebanyakan calon memperoleh markah yang rendah kerana gagal menguasai pengertian ayat al-Quran dan hadis dengan baik. Soalan ini memperuntukkan antara 4 hingga 6 markah. Satu soalan, iaitu 6(a), diperuntukkan 6 markah, manakala lima soalan lain masing-masing diperuntukkan 4 markah. Peruntukan markah ini dianggap sesuai kerana soalan (a) dikategorikan sebagai aras rendah yang sepatutnya memberi peluang kepada calon untuk memperoleh markah dengan mudah. Namun sebaliknya, ia menjadi antara penyumbang kepada markah rendah calon.

Bagi soalan (b), hanya satu soalan memperuntukkan 6 markah iaitu soalan 6(b), manakala lima yang lain memperuntukkan 8 markah. Empat daripadanya berkaitan isi tersurat dan tersirat dalam ayat al-Quran dan hadis. Dua soalan lain berbentuk Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK). Kebanyakan calon kehilangan markah dalam soalan yang memerlukan penguasaan maksud tersirat seperti soalan 1(b) (cara pelaksanaan infak) dan 3(b) (azab bagi yang menyembunyikan kebenaran). Sebaliknya, calon memperoleh markah lebih baik bagi soalan yang meminta isi tersurat seperti soalan 2(b) dan 4(b).

Untuk soalan (c), yang semuanya berbentuk KBKK dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), sebahagian calon dapat memberikan jawapan yang baik dengan idea yang jelas. Namun sebahagian besar calon hanya memperoleh markah sederhana dan rendah kerana jawapan tidak menepati kehendak soalan atau skema pemarkahan. Soalan 2(c) (kepentingan wujud golongan yang menyeru kepada kebaikan) dan 6(c) (bentuk hadiah kepada pegawai awam yang dibenarkan dan tidak dianggap rasuah) merupakan antara soalan yang kurang dikuasai. Manakala jawapan untuk soalan 1(c), 3(c), 4(c), dan 5(c) secara keseluruhan adalah lebih memuaskan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Ayat Ahkam

Soalan 1

Soalan (a) meminta calon menyenaraikan empat sifat *'ibād al-Rahmān* berdasarkan ayat 63 hingga ayat 65. Ramai calon tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat kerana kurang cermat dalam meneliti fokus ayat yang ditanya. Terdapat calon yang menjawab berdasarkan ayat-ayat lain seperti sifat sederhana ketika berinjak, tidak membunuh, tidak berzina, dan tidak mensyirikkan Allah SWT. Hanya sebilangan kecil calon sahaja yang berjaya memperoleh markah penuh, manakala jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Berjalan dengan tawaduk
- (ii) Mengelakkan perbahasan dengan orang jahil
- (iii) Rajin beribadah malam
- (iv) Berdoa agar dijauhkan daripada azab api neraka

Soalan (b) meminta calon menjelaskan maksud infak dan cara pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat 67. Hanya sebahagian kecil calon yang menjawab dengan tepat. Kebanyakan calon gagal memberikan maksud dengan betul dan keliru dalam menghuraikan cara pelaksanaan infak.

Jawapan yang sepatutnya:

- (i) Maksud infak: Membelanjakan harta ke jalan yang baik, bersedekah tanpa mengharapkan balasan.
- (ii) Cara pelaksanaan:
 - Tidak boros, iaitu tidak membelanjakan harta untuk perkara sia-sia.
 - Tidak kedekut, iaitu tidak menahan harta daripada perbelanjaan bermanfaat.
 - Bersederhana dalam berbelanja, iaitu seimbang antara keperluan dengan kemampuan.

Soalan (c) meminta calon menerangkan tiga jenis kesalahan yang membolehkan pelaksanaan hukuman mati menurut syarak. Kebanyakan calon gagal memperoleh markah tinggi dan hanya mampu menjawab pada tahap minimum (antara 0 hingga 4 markah). Hanya sebilangan kecil calon yang mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya:

- (i) Jenayah murtad — jika enggan bertaubat
- (ii) Jenayah membunuh dengan sengaja — dibalas dengan hukuman bunuh
- (iii) Zina *muhsan* — direjam sampai mati
- (iv) Kesimpulan calon

Soalan 2

Soalan (a) mengkehendaki calon menerangkan dua sifat buruk ahli kitab yang perlu di jauhi oleh umat Islam berdasarkan ayat 105.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh. Namun, terdapat segelintir calon memberikan jawapan yang tidak tepat. Antara jawapan salah yang banyak diberikan calon ialah menghasut manusia supaya berpaling dari agama Islam, bermegah-megah dengan apa yang dimiliki, dan sebagainya. Calon yang lemah bahasa Arab tidak memberikan sebarang jawapan menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah.

Jawapan yang sepatutnya seperti yang berikut:

- (i) Berpecah belah berserta dengan huraian
- (ii) Berselisih pendapat berserta dengan huraian

Soalan (b) meminta calon menjelaskan empat suruhan Allah SWT bagi membentuk sebuah masyarakat yang diredai.

Majoriti calon dapat menjawab dengan baik soalan ini dan mendapat markah penuh. Namun, terdapat segelintir calon memberikan jawapan yang tidak tepat. Antara jawapan salah yang banyak diberikan calon ialah melakukan kebaikan sedangkan jawapan sebenar ialah suruhan melakukan kebaikan (*amar makruf*). Selain itu, meninggalkan kemungkaran, sedangkan jawapan sebenar ialah mencegah kemungkaran. Calon yang lemah bahasa Arab memberikan jawapan yang salah kerana teks ayat yang diberikan dalam soalan tidak membantu mereka menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah. Jawapan yang sepatutnya seperti yang berikut:

- (i) Berpegang kepada tali Allah SWT + huraian
- (ii) Mengajak manusia ke arah kebaikan + huraian
- (iii) Menjalankan *amar makruf* + huraian
- (iv) Mencegah kemungkaran + huraian
- (v) Bersyukur atas nikmat yang diberi + huraian

Soalan (c) mengkehendaki calon membincangkan mengapa perlu ada golongan yang sentiasa menyeru masyarakat ke arah kebaikan.

Sebahagian kecil calon berjaya mendapat markah penuh dengan memberikan tiga fakta dan huraian serta kesimpulan yang tepat. Calon sederhana hanya dapat memberikan dua fakta jawapan berserta huraian yang baik. Ada dua jawapan tepat yang banyak diberikan oleh calon, iaitu masyarakat tidak akan lalai dan masyarakat hidup aman. Antara jawapan salah yang banyak diberikan calon ialah ekonomi masyarakat meningkat, masyarakat dipandang mulia, melahirkan masyarakat yang bertamadun, dan sebagainya.

Jawapan yang sepatutnya seperti yang berikut:

- (i) Masyarakat tidak akan lalai + huraian
- (ii) Supaya masyarakat tidak dilaknat oleh bala Allah SWT + huraian

- (iii) Supaya agama Islam terpelihara daripada segala bentuk pengabaian dan penyelewengan + huraian
- (iv) Supaya masyarakat hidup aman dan harmoni + huraian
- (v) Kesimpulan

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan maksud petikan ayat. Sebahagian besar calon lemah dalam menjawab soalan ini kerana mereka lemah dalam bahasa Arab. Hanya segelintir sahaja yang dapat menjawab dengan baik.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Binatang yang disembelih bukan kerana Allah SWT.
- (ii) Dipaksa dalam keadaan dia tidak ingin dan tidak melampaui batas.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat azab yang akan dikenakan kepada orang yang menyembunyikan kebenaran berdasarkan ayat 174 surah al-Baqarah.

Sebahagian besar calon menjawab sendiri tanpa merujuk kepada ayat 174 diatas. Mereka memberikan jawapan sendiri dan hanya satu sahaja jawapan yang betul, iaitu mendapat balasan neraka. Hanya sebahagian kecil sahaja yang dapat markah penuh.

Jawapan yang sepatutnya:

- (i) Memakan api neraka + huraian
- (ii) Allah tidak akan bercakap dengan mereka + huraian
- (iii) Allah tidak akan membersihkan mereka/mensucikan mereka daripada dosa + huraia.
- (iv) Mendapat azab yang pedih dalam neraka + huraian

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga hikmah mengapa Islam menganjurkan supaya memilih makanan yang halal dan baik. Kebanyakan calon dapat menjawabnya walaupun tidak mendapat markah penuh. Ramai calon yang mengulang jawapan yang sama. Terdapat juga calon yang tidak membuat kesimpulan menyebabkan markah mereka berkurangan.

Jawapan yang dicadangkan berserta dengan huraian:

- (i) Dapat menjaga kesihatan/mengelakkan penyakit.
- (ii) Doa akan dimakbulkan.
- (iii) Mudah menimba ilmu/akal terjaga/hati menjadi terang.
- (iv) Khusyuk/rajin melakukan ibadat.
- (v) Kesimpulan

BAHAGIAN B: *Hadis Ahkam*

Soalan 4

Soalan (a) meminta calon menerangkan maksud dua ungkapan hadis yang berikut:

- (i) حِجَّةُ الْوَدَاعِ
- (ii) فَأَيُّكُمْ عَوَانٍ

Kebanyakan calon dapat memberikan maksud yang tepat bagi soalan (i), iaitu haji perpisahan/haji terakhir yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Namun, terdapat juga calon yang memberikan jawapan tidak tepat seperti "haji mabrur", "haji yang dilakukan oleh orang yang mampu", atau "hujah yang disampaikan".

Bagi soalan (ii), ramai calon gagal memberikan maksud yang tepat. Jawapan yang betul ialah: Kerana sesungguhnya mereka (isteri) di sisi kamu adalah seperti pelayan atau tawananmu.

Soalan 4(b) meminta calon menerangkan empat jenis nafkah yang perlu diberikan oleh suami kepada isteri sebagaimana yang terdapat dalam hadis dan nas-nas lain. Secara umum, calon memberikan jawapan yang baik dan mampu menghuraikan dengan tepat. Namun, terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang kurang tepat seperti "nafkah perasaan", "nafkah kasih sayang", "nafkah keselamatan", dan sebagainya.

Jawapan yang sepatutnya:

- (i) Nafkah makanan
- (ii) Nafkah pakaian
- (iii) Nafkah tempat tinggal
- (iv) Nafkah batin

*Setiap isi perlu disertakan dengan huraian untuk memperoleh markah penuh.

Soalan (c) meminta calon membincangkan tiga contoh layanan baik kepada isteri yang sering diabaikan oleh suami sehingga mencetuskan konflik rumah tangga.

Kebanyakan calon gagal memberikan isi yang pelbagai dan mengulangi idea yang sama. Terdapat juga calon yang menjawab dari sudut layanan isteri kepada suami, yang tersasar daripada kehendak soalan. Jawapan yang sepatutnya:

- (i) Layanan baik melalui kata-kata — contoh: berkata dengan lemah lembut, tidak meninggikan suara.
- (ii) Layanan baik melalui perbuatan — contoh: membantu kerja rumah, memberi hadiah.
- (iii) Layanan baik dalam hubungan intim — contoh: memenuhi keperluan batin isteri secara harmoni.
- (iv) Kesimpulan calon

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud *ijmali* ungkapan hadis di bawah:

فَاتَّلَ اللَّهُ الْيَهُودَ إِنَّ اللَّهَ لَمَّا حَرَّمَ شُحُومَهَا جَمْلُوهُ، ثُمَّ بَاعُوهُ، فَأَكَلُوا ثَمَنَهُ

Jawapan yang perlu dijawab oleh calon hanya memberi fakta sahaja tanpa perlu membuat huraian. Contoh jawapan calon yang salah, seperti Allah SWT membenci kaum Yahudi; Allah SWT mengharamkan lemak bangkai; kaum Yahudi menghalalkan yang haram; menjual beli yang tidak dibenarkan, dan makan makanan yang haram.

Namun ramai juga calon yang boleh menjawab soalan ini dengan baik seperti skema jawapan. Jawapan sepatutnya ialah:

Laknat/murka Allah SWT ke atas Yahudi/Allah SWT memerangi Yahudi, ketika Allah SWT mengharamkan lemak haiwan, mereka mencairkannya kemudian dijual, dan mereka makan harganya (hasil jualannya).

Soalan (b) meminta calon menjelaskan empat contoh salah guna bahan daripada khinzir dalam keperluan seharian. Soalan ini dikira tidak sukar dan ramai calon dapat menjawab dengan baik berserta dengan huraian. Jawapan hendaklah menyebut 4 organ atau bahagian daripada khinzir berserta empat produk yang dihasilkan daripadanya.

Namun sebahagian besar calon tidak mampu memberikan jawapan seperti yang dikehendaki oleh soalan. Mereka memberikan penyalahgunaan khinzir tetapi tidak mengaitkannya dengan bahan daripada khinzir. Oleh sebab itu, jawapan calon tidak diterima kerana bertentangan dengan kehendak soalan.

Jawapan sepatutnya ialah:

- (i) Lemak untuk dijadikan minyak
- (ii) Kulit dijadikan kasut/pakaian
- (iii) Bulu digunakan untuk berus cat
- (iv) Tulang untuk perasa makanan/ pinggan mangkuk
- (v) Gelatin untuk pengawet makanan

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga mesej dalam hadis yang berkaitan dengan jual beli. Ramai calon tidak menghadapi masalah untuk memahami kehendak soalan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan kesimpulan calon dengan baik dan sesuai dengan soalan.

Sebahagian calon menjawab soalan ini dengan menggabungkan 4 fakta dalam 1 jawapan. Contohnya: “Allah melarang menjual arak, babi, berhala dan bangkai. Semua perkara yang Allah larang mempunyai sebab-sebab tertentu, iaitu boleh mendatangkan mudarat kepada hambanya”. Calon kehilangan markah huraian kerana jawapan seperti contoh di atas tidak disertakan huraian berasingan bagi setiap fakta.

Jawapan yang sepatutnya:

- (i) Haram jual beli khinzir + huraian
- (ii) Haram jual beli arak + huraian
- (iii) Haram jual beli berhala + huraian
- (iv) Haram jual beli bangkai + huraian
- (v) Haram menggunakan tipu helah ketika muamalat + huraian
- (vi) Kesimpulan

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud ungkapan hadis yang bergaris secara *ijmali*. Sebahagian kecil calon dapat memberikan jawapan yang tepat manakala sebahagian besar calon hanya dapat memberikan sebahagian maksud ungkapan hadis yang diberikan. Terdapat juga calon yang tidak memberikan apa-apa jawapan bagi soalan ini.

Jawapan sepatutnya ialah:

“Apa yang membuatkan seseorang yang kami tugaskan untuk sesuatu urusan lalu datang dan berkata, ‘Ini adalah untuk kalian (zakat yang dikumpulkan), dan ini adalah hadiah yang diberikan kepadaku’. Mengapa dia tidak duduk saja di rumah ayah dan ibunya, lalu kita lihat apakah hadiah itu akan datang kepadanya atau tidak?”

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan dua pandangan ulama tentang kedudukan hadiah yang diterima oleh Ibn Lutbiyyah. Sebahagian besar calon memberikan dua pandangan yang tepat namun penghuraianya kurang tepat manakala sebahagian kecil calon tidak dapat memberikan pandangan yang tepat berserta dengan huraian sebagaimana yang dikehendaki.

Jawapan sepatutnya ialah:

- (i) Sesetengah ulama berpendapat hadiah yang diterima itu adalah salah kerana diterima ketika bertugas rasmi dan adalah salah satu bentuk rasuah.
- (ii) Sesetengah ulama berpendapat hadiah itu tidak salah, tetapi sebagai peringatan baginda agar tidak menjadi kebiasaan yang mendorong kepada rasuah dan penyelewengan.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga bentuk hadiah kepada pegawai awam yang dibenarkan dan tidak dikira sebagai rasuah.

Aras soalan agak sukar dan sebahagian besar calon tidak dapat menjawab dengan betul. Kebanyakan calon dapat memberikan sebahagian jawapan dengan baik dan terdapat juga calon memberikan isi jawapan yang berulang menyebabkan mereka kehilangan markah. Soalan ini juga memerlukan huraian dan kesimpulan.

Antara jawapan sepatutnya diberikan oleh calon ialah:

- (i) Hadiah yang diberi kerana hubungan peribadi bukan kerana jawatan/tugas rasmi.
- (ii) Hadiah yang tidak mempengaruhi tindakan/tugas/keputusan.
- (iii) Hadiah terbuka yang dimanfaatkan secara umum.
- (iv) Hadiah berbentuk penghargaan/insentif/galakan atas pencapaian/perpisahan.
- (v) Kesimpulan calon

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)